



KENYATAAN / SIARAN AKHBAR

Untuk maklumat lanjut sila hubungi:
Bahagian Komunikasi Korporat
Perbadanan Putrajaya
Tel: 03-88877033 Faks: 03-88811008

LARANGAN BERMOTOSIKAL DI SISIRAN TASIK PUTRAJAYA

PUTRAJAYA, 30 Julai 2024 - Perbadanan Putrajaya (PPj) hari ini melancarkan operasi bersepadu penguatkuasaan larangan bermotosikal di sisiran tasik Putrajaya. Operasi ini diketuai oleh Pengarah Bahagian Penguin Kuasa dan Keselamatan YBrs. Mohd Fauzi Bin Haji Ismail.

Operasi bersepadu pada kali ini melibatkan agensi sahabat daripada Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) memfokuskan kawasan sisiran tasik Presint 2, 3, 4 dan 18. Operasi bermula dari seawal jam 7.30 pagi hingga 11.00 pagi dengan kekuatan anggota seramai 80 orang anggota. Pelaksanaan operasi ini bertujuan menguatkuasakan penyalahgunaan laluan di sisiran tasik Putrajaya yang sering kali digunakan oleh penunggang motosikal yang tidak bertanggungjawab tanpa menghiraukan keselamatan pengguna lain antaranya pejalan kaki dan penunggang basikal. Di samping itu, operasi pada kali ini juga turut mengambil tindakan terhadap warga asing yang tidak mempunyai lesen, cukai jalan serta kelulusan daripada Jabatan Landskap dan Taman PPj untuk menggunakan laluan di sisir tasik.

PPj akan mengambil tindakan kompaun ke atas penunggang motosikal yang menyalahguna laluan sisir tasik di bawah UUK Laku Musnah (WPPj 2003) - UUK 3(1)(m). Bagi motosikal warga asing, PPj bersama JPJ turut mengambil tindakan untuk menahan serta membuat sitaan motosikal yang dinaiki. Motosikal yang disita akan dibawa ke lokasi siar kaki hadapan Kompleks Perbadanan Putrajaya bagi proses dokumentasi dan dihantar ke Depo Simpanan Kenderaan JPJ di Semenyih.

PPj telah melaksanakan tindakan kompaun ke atas 39 penunggang motosikal pada tahun 2023 dan sehingga Julai 2024 sebanyak 23 kompaun telah dikeluarkan bagi kesalahan yang menyalahgunakan laluan di sisir tasik Putrajaya. Orang ramai dinasihatkan untuk tidak menggunakan kenderaan bermotor di laluan sisiran tasik dan hanya kenderaan penyelenggaraan yang mempunyai pelekat sahaja dibenarkan mengikut masa yang telah ditetapkan.

MOHD ROHAIZAT KASMAN

Ketua Penolong Pengarah, (Bahagian Komunikasi Korporat)

b.p. Presiden Perbadanan Putrajaya

Tarikh: Julai 2024